



KIAS/AM/0.7/00/12

26 September 2023/ 10 Rabiulawal 1445H

SEMUA GRADUAN 2023

Saudara/i,

JEMPUTAN MENGAMBIL PAKAIAN KONVOKESYEN SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS) KALI KE 23

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Istiadat Konvokesyen KIAS kali ke 23 akan diadakan pada **29 Oktober 2023 bersamaan 14 Rabiulakhir 1445H** bertempat di **Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan**.

Sehubungan dengan itu, saudara/i dikehendaki hadir untuk mengambil dan memulangkan pakaian konvokesyen sebagaimana berikut:

Pengambilan Pakaian Konvokesyen		
Tarikh	Masa	Tempat
24 hingga 25 Oktober 2023 (Selasa, Rabu)	9.30 pagi – 4.00 petang (Rehat 12.30 tengah hari – 2.00 petang)	Bilik Jubah KIAS
26 Oktober 2023 (Khamis)	9.00 pagi – 1.00 petang	Bilik Jubah KIAS

Pemulangan Pakaian Konvokesyen		
Tarikh	Masa	Tempat
30 Oktober hingga 1 November 2023 (Isnin, Selasa, Rabu)	9.30 pagi – 4.00 petang (Rehat 12.30 tengah hari – 2.00 petang)	Bilik Jubah KIAS

Bersama ini dilampirkan borang permohonan peminjaman pakaian konvokesyen KIAS. Saudara/i perlu mengemukakan **borang permohonan peminjaman jubah yang telah lengkap diisi, slip Kajian Pengesanan Graduan dan resit bayaran konvokesyen** semasa mengambil jubah konvokesyen pada tarikh tersebut. Sila pastikan perkara yang disenaraikan lengkap agar proses pengambilan jubah tidak tergendala.

Di kesempatan ini juga, saya bagi pihak warga KIAS mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan saudara/i menamatkan pengajian di KIAS dengan jayanya. Semoga saudara/i terus cemerlang dalam apa jua bidang yang akan diceburi kelak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

SITI NOORAIN BINTI AB AZIS

Pengerusi,

Jawatankuasa Jubah Istiadat Konvokesyen KIAS kali ke-23

s.k : Rektor

Timbalan Rektor (HEAP)

Timbalan Rektor (HEPA)

Pendaftar

Timbalan Pendaftar

Ketua- Ketua Jabatan/ Pusat